1.2.4 Permainan tradisional kurang dikomersialkan dan diaplikasikan sebagai alat bantuan pengajaran kanak-kanak prasekolah.

Kebanyakan reka bentuk permainan yang sedia ada di pasaran lebih menjurus kepada perkembangan mental kanak-kanak sahaja. Contohnya,

congkak, saidina, sahiba, dam aji dan sebagainya. Permainan tersebut kurang membantu dalam memberikan kesan proses perkembangan fizikal dan mental di kalangan kanak-kanak yang mana ia merangkumi aspek perkembangan otak dan fizikal secara intelektual melalui penerokaan, sentuhan, pergerakan dan keadaan persekitaran. Reka bentuk permainan yang ada kurang menjurus terhadap kandungan akademik, malah lebih kepada bentuk sosial. Masalah yang paling ketara dalam melaksanakan aktiviti belajar melalui bermain ialah bahan bantu mengajar. Bahan bantu mengajar yang dibekalkan mestilah selari dan bersesuaian dengan permainan dan konsep yang perlu melibatkan keenam-enam komponen iaitu komponen Perkembangan Bahasa dan Komunikasi, Perkembangan Kognitif, Perkembangan Fizikal, Perkembangan Kerohanian dan Moral, Perkembangan Kreativiti dan Estetika dan Perkembangan Sosioemosi. (Imran Ariff Ariffin et al. 2010)

1.3 Persoalan Kajian

- 1) Apakah tahap kemampuan kanak-kanak dalam bermain permainan tradisional?
- 2) Apakah langkah untuk meningkatkan tahap pembelajaran kanak-kanak dalam konteks bermain sambil belajar?
- 3) Bagaimana kanak-kanak dapat meningkatkan tahap pembacaan melalui permainan tradisional?
- 4) Bagaimanakah tahap pembangunan kanak-kanak dalam bermain permainan tradisional?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian dilaksanakan adalah untuk memberi fokus kepada pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan melalui reka bentuk permainan tradisional yang menggunakan pendekatan bermain sambil belajar.

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengetahui tahap kemampuan setiap kanak-kanak prasekolah melalui permainan tradisional yang dicadangkan.
 - a.i) Kajian akan menggunakan kaedah pemerhatian.
- b) Menilai pembangunan reka bentuk permainan tradisional melalui kemahiran kognitif, afektif dan psikomotor terhadap kanak-kanak.
 - b.i) Kajian akan menggunakan kaedah soal selidik.
- c) Meningkatkan persepsi permainan tradisional melalui pembangunan reka bentuk yang kreatif dan inovatif.
 - c.i) Dapatan daripada hasil analisis dan proses reka bentuk yang dihasilkan.
- d) Menguji keberkesanan reka bentuk permainan tradisional terhadap kanak-kanak prasekolah.
 - d.i) Dapatan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan soal selidik melalui validasi rekaan yang dihasilkan.

1.5 Skop Kajian (populasi dan persampelan)

1.5.1 Kanak-Kanak Prasekolah

Kajian ini tertumpu kepada kanak-kanak yang berumur enam tahun. Ini kerana pada peringkat ini kanak-kanak akan mula belajar mengenal

huruf, nombor, pengiraan, warna dan pada masa yang sama proses pertumbuhan fizikal serta minda kanak-kanak akan bergerak secara serentak sebagai tahap pembangunan mental dan fizikal mereka sekaligus merangsang dalam penambahbaikan sewaktu proses pembelajaran berlangsung. Pada peringkat prasekolah juga otak dan minda kanak-kanak berada dalam keadaan aktif agar rangsangan persekitaran yang mereka terima adalah berterusan. Airil Haimi Mohd Adnan (2009) berpendapat, kemahiran motor kasar dan motor halus memberi rangsangan tindak balas yang baik pada peringkat usia ini.

1.5.2 Guru Prasekolah

Guru juga berperanan penting dalam mengendalikan pembelajaran kanak-kanak. Kajian ini juga dapat menyumbang dalam melahirkan guru yang lebih kreatif dan inovatif.

1.5.3 Prasekolah dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Daerah Sungai Petani, Kedah.

Populasi kajian dijalankan di prasekolah terpilih di kawasan Kedah di bawah KPM. Oleh itu, '*random sampling*' digunakan untuk pemilihan subjek yang mana ia mudah dan membantu dalam pemilihan subjek untuk kajian ini.

Pemilihan kawasan kajian turut mempengaruhi populasi kaum Melayu yang ramai serta bentuk budaya yang masih terpelihara. Di samping itu, daerah ini juga mudah untuk membuat penyelidikan. Dari segi cara hidup kaum disini serta persekitaran kawasan kampung-kampung masih menunjukkan ciri-ciri budaya Melayu serta aktiviti kemasyarakatan yang

dijalankan juga mempengaruhi adat dan tradisi Melayu seperti pertandingan permainan tradisional dan acara berbentuk kebudayaan.

1.5.4 Permainan Tradisional

Permainan tradisional dipilih sebagai skop kajian ini berdasarkan tahap reka bentuk permainan yang kurang diketengahkan oleh pereka bentuk. Permainan ini mempunyai teknik permainan dan kriteria reka bentuk yang tersendiri.

1.5.5 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran

Skop kajian juga tertumpu kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi aspek akademik. Di mana, reka bentuk permainan tradisional akan dibangunkan dengan pendekatan khusus untuk belajar sambil bermain.

1.6 Signifikasi Kajian

Kesedaran dan kepekaan kita sebenarnya menjadi faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan di kalangan kanak-kanak terutamanya perkembangan mental dan fizikal mereka. Ia juga merupakan tanggungjawab kita untuk mengenal pasti masalah atau kelemahan, keperluan dan mencari jalan terbaik bagi mendapatkan jalan penyelesaian yang berkesan untuk mereka. Demi generasi kanak-kanak yang akan datang, permainan perlulah lebih kreatif agar dapat menjana pemikiran dan pembangunan otak kanak-kanak secara fizikal mahupun mental dan ianya perlulah diselaraskan dengan seimbang. Disamping itu, untuk meningkatkan dan memartabatkan permainan tradisional Melayu lama ke tahap antarabangsa yang mampu menjana kepada ilmu tradisi permainan rakyat dalam pendidikan.

1.7 Rasional Kajian

1.7.1 Prasekolah

Membantu mewujudkan satu konsep belajar sambil bermain melalui transformasi reka bentuk permainan tradisional peringkat prasekolah yang lebih menyeronokkan. Pembangunan reka bentuk permainan tradisional yang dihasilkan perlu menepati silibus pembelajaran di prasekolah dalam pengenalan asas huruf dan nombor.

1.7.2 Kanak-Kanak

Dapat menjana pemikiran dan pembangunan minda kanak-kanak secara fizikal dan mental serta mewujudkan penggunaan permainan tradisional dalam bentuk penerokaan dan persekitaran yang lebih ceria. Di samping itu, kaedah pembelajaran yang dilaksanakan dapat lebih mewujudkan sifat inovatif, kreatif serta keyakinan diri di kalangan kanak-kanak.

a) Umur empat hingga lima tahun

Kebiasaanya kanak-kanak yang menjangkau usia sekitar empat tahun ke atas sudah mampu untuk melakukan aktiviti fizikal yang lebih mencabar dan lasak seperti memanjat tangga dengan sebelah kaki serta menunjukkan kebolehan luar biasa. Pada usia sebegini mereka sudah mula untuk menunjukkan kelebihan diri masing-masing. Mereka mampu untuk berlari, menyanyi dan berkomunikasi secara berkumpulan.⁴

b) Umur enam hingga tujuh tahun

⁴ Miriam Steppard, *Young Growing Child: The Complete Guide to Childcare from 3 to 11 Years* (London: Octopus Book Limited, 1984).

Mampu berlari dengan lebih laju dan suka berlumba lari dengan rakan. Mereka juga boleh melompat sejauh tiga kaki dan setinggi satu kaki, boleh melompat dengan sebelah kaki dan melakukan gerakan kaki seperti bermula, berpusing dan berhenti dengan berkesan. Pada usia begini juga mereka boleh berjalan atas palang, melontar dan menangkap bola. Selain itu, mereka juga sudah boleh menguruskan diri sendiri dalam rutin harian mereka.⁵

1.8 Batasan Kajian

Semasa melakukan kajian ini, kesulitan yang dihadapi pengkaji adalah kesukaran dalam proses komunikasi dengan kanak-kanak, kemungkinan besar disebabkan responden tidak memahami apakah aktiviti sebenar pengkaji yang ditujukan kepada mereka. Selain itu juga, pengkaji menghadapi masalah masa yang terhad semasa membuat pemerhatian terhadap responden dalam mengumpul data kerana proses pembelajaran prasekolah yang singkat. Di samping itu, terdapat beberapa kanak-kanak prasekolah yang masih malu terhadap orang luar selain guru kelas sendiri.

1.9 Delimitasi Kajian

Kajian soal selidik lebih tertumpu terhadap guru prasekolah, guru praktikal prasekolah dan pembantu pengurusan murid di bawah KPM iaitu seramai 60 orang di sekitar kawasan berdekatan di Negeri Kedah. Bagi mengukuhkan lagi kajian ini, seramai 60 orang ibu bapa juga diedarkan kajian soal selidik. Manakala,

⁵ Ibid.

pemerhatian telah dijalankan terhadap kanak-kanak prasekolah bagi tiga prasekolah terpilih dan responden terdiri daripada kanak-kanak berumur enam tahun.

1.10 Definisi Frasa dan Istilah

Bahagian ini akan menerangkan tentang kepentingan konsep atau frasa kata dan istilah dengan merujuk kepada kajian yang sedang di jalankan ini. Kata utama dalam kajian ini adalah, prasekolah, permainan tradisional – reka bentuk – transformasi - pembangunan – belajar sambil bermain – kanak-kanak.

1.10.1 Prasekolah

Prasekolah juga dikenali sebagai institut pendidikan awal kanak-kanak sebelum kanak-kanak itu menjejakkan kaki mereka ke alam persekolahan tahun satu sekolah rendah. Merujuk kepada KPM prasekolah merupakan intitusi pendidikan bagi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun sebelum memasuki ke alam persekolah formal⁶. Kajian ini fokus kepada tiga buah prasekolah di bawah KPM dan mewakili kanak-kanak berumur enam tahun sahaja.

1.10.2 Permainan Tradisional

Pusat rujukan persuratan Melayu (DBP, Kamus Inggeris-Melayu Dewan), mentakrifkan permainan tradisional adalah *form of play with rules*, permainan; (*match, sport event*)⁷. Tradisional – bersifat atau bercorak tradisi

⁶ Kementerian Pelajaran Malaysia, 'Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan & Kurikulum Standard Sekolah Rendah'.

⁷ Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ Dbp Malaysia, <<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=permainan+tradisional>>2011.

: masyarakat~ masyarakat yang mengamalkan cara hidup turun temurun.⁸

Permainan tradisional ialah permainan yang terdapat dalam masyarakat sejak turun temurun dan diwarisi dari satu generasi ke generasi lain.

1.10.3 Pembangunan Reka Bentuk

Rujuk kepada Kamus Dewan Bahasa pembangunan bermaksud proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan), usaha atau kegiatan membangunkan (memajukan dan mengembangkan).⁹

1.10.4 Reka Bentuk

Reka bentuk memberi erti rancangan, (corak, bentuk) yang menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu (binaan)¹⁰ Menurut Shahrizan Zainal Abidin (2004), mentakrifkan reka bentuk adalah satu proses kreatif yang menterjemahkan idea kepada kenyataan. Reka bentuk juga boleh ditakrifkan sebagai penggunaan prinsip saintifik, maklumat teknikal dan imaginasi (M Kasim A Jalil and A Muta'ali Othman 1995).

1.10.5 Kanak-Kanak

Rujuk kepada Kamus Dewan, kanak-kanak bermaksud budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berumur lebih daripada tujuh atau lapan tahun)¹¹ Biasanya, pada peringkat kanak-kanak

⁸ Hajah Noresah Baharom et al., 'Kamus Dewan Edisi Keempat', in Dewan Bahasa Dan Pustaka (ed.), (Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd, 2005).

⁹ Hajah Noresah Baharom et al., 'Kamus Dewan Edisi Keempat'.

¹⁰ Hajah Noresah Baharom et al., 'Kamus Dewan Edisi Keempat'.

¹¹ Ibid.

mereka sudah mampu untuk menutur kata-kata dan bahasa. Mereka berada ditahap awal pengenalan diri dan kehidupan masing-masing.

1.11 Kesimpulan

Secara umumnya, bahagian ini merangkumi kepada pengenalan reka bentuk kajian. Kajian lebih tertumpu kepada permainan tradisional yang melibatkan kanak-kanak berumur enam tahun khususnya di prasekolah. Penggunaan permainan tradisional akan diketengahkan dalam kajian ini sebagai alatan bantuan mengajar di prasekolah bagi membantu meningkatkan tahap kreativiti kanak-kanak dalam pembelajaran yang menyeronokkan yang dibantu oleh guru-guru prasekolah.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bahagian ini lebih menjelaskan tentang kajian yang lepas dan berkaitan. Di samping segala maklumat yang terkandung di dalam bab ini lebih tertumpu kepada proses reka bentuk, jenis-jenis permainan tradisional, konsep pengajaran dan pembelajaran di prasekolah serta isu dan cabaran yang diketengahkan melalui organisasi tertentu. Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada lagi kajian telah dijalankan tentang pelaksanaan aktiviti bermain sambil belajar menggunakan permainan tradisional khususnya di peringkat prasekolah.

2.1 Proses Reka Bentuk


Reka bentuk adalah satu proses kreatif menterjemahkan idea kepada kenyataan. Proses reka bentuk melibatkan proses pemikiran, percubaan dan ujian sehinggalah terhasil produk yang diperlukan. Aktiviti proses reka bentuk bermula dengan satu kesedaran pernyataan masalah dan memerlukan kepada penyelesaian. Proses yang kedua merupakan proses penyelidikan atau kajian untuk memahami dengan terperinci mengenai masalah yang dihadapi. Seterusnya, proses mencari idea dan penghasilan konsep rekaan. Pada peringkat ini, pereka bentuk perlu lebih kreatif dan inovatif untuk menghasilkan konsep rekaan yang baik. Proses berikutnya, merupakan proses pemilihan konsep serta penghasilan model atau prototaip. Peranan prototaip adalah untuk menguji dan menilai keberkesanan dan kelemahan produk yang dihasilkan. Sekiranya, hasil ujian adalah baik dan lancar, maka produk boleh melalui proses akhir iaitu pemasaran.¹²

¹² M Kasim A Jalil, & A Muta'ali Othman. (1995). *Proses dan Kaedah Reka Bentuk* Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2.2 Reka Bentuk Dan Pengguna (User Centered Design)

'*User centered design*' merupakan satu pendekatan di dalam reka bentuk industri yang meletakkan kumpulan manusia dan produk dengan mengambil kira manusia dahulu dan diikuti dengan teknologi. Dalam kajian ini, reka bentuk produk yang dihasilkan mengikut kepada kitaran rekaan dalam rajah 2.1.

2.2.1 Kitaran Reka Bentuk (*Design Cycle*)



Gambar rajah 2.1 Kitaran Reka Bentuk¹³

Rajah di atas menunjukkan kitaran reka bentuk dengan mengenal pasti sasaran pengguna dan tempat (*specify context of use*), seterusnya kenalpasti kehendak kajian atau reka bentuk produk (*specify requirements*), dan

¹³ Chadia Abras, Diane Maloney-Krichmar, & Jenny Preece. (Eds.). (2004) User-Centered Design. In Bainbridge, W. Encyclopedia of Human-Computer Interaction. . USA: Thousand Oaks: Sage Publications. (in press).

menyelesaikan permasalahan kajian yang ada (*produce design solutions*), setelah itu, penghasilan produk dan diuji kepada pengguna sebenar bagi mendapatkan keputusan yang benar dan asli (*evaluate designs*).

2.3 Ujian Kebolegunaan (*Usability Testing*)

Dalam kajian Chadia Abras (2004), menurut Dumas & Redish (1993) ujian kebolegunaan (*usability testing*) adalah untuk mencapai 5 tujuan iaitu:

- a) *Improve the product's usability*
- b) *Involve real users in the testing*
- c) *Give the user real task to accomplish*
- d) *Enable testers to observe and record the actions of the participants*
- e) *Enable testers analyze the data obtained and make changes accordingly*¹⁴.

Di akhir kajian ini akan menghasilkan satu produk reka bentuk pembangunan teng-teng iaitu sejenis permainan tradisional untuk diketengahkan dalam konteks alat bantuan pengajaran kanak-kanak prasekolah. Reka bentuk model yang dihasilkan akan melalui peringkat ujian kebolegunaan terhadap kanak-kanak prasekolah dengan menggunakan model reka bentuk teng-teng berskala sebenar berdasarkan kriteria-kriteria tertentu sebagai pelengkap proses reka bentuk serta kajian bagi memastikan kebolegunaan produk tersebut dalam reka bentuk industri kini. Dalam kajian Chadia Abras (2004), beliau menyatakan bahawa:

'Listening to users discuss the alternative designs can amplify designers understanding of the intended purpose(s) of the artifact and may provide information that does not come out of initial interviews, observations, and needs analysis. As the design cycle progresses, prototypes (limited versions of the product/artifact) can be produced and user tested'

¹⁴ Chadia Abras, Diane Maloney-Krichmar, & Jenny Preece. (Eds.). (2004) *User-Centered Design*. In Bainbridge, W. *Encyclopedia of Human-Computer Interaction*. . USA: Thousand Oaks: Sage Publications. (in press)

Penggunaan prototaip adalah salah satu pendekatan pengumpulan data serta mendapatkan maklum balas berkaitan reka bentuk yang dihasilkan sebelum dicadangkan untuk pasaran.

2.4 Aspek Pendidikan Prasekolah

Pendidikan prasekolah adalah program yang memberi layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak untuk mengembangkan potensi keyakinan kanak-kanak serta meningkatkan perkembangan rohani, emosi, fizikal, mental dan sosial kanak-kanak yang berlaku dengan pesat pada usia di antara empat hingga enam tahun.

Dalam kurikulum prasekolah kebangsaan juga telah memberi penekanan terhadap pendekatan bermain sambil belajar sebagai kunci pembelajaran, pengajaran dan perkembangan asas kanak-kanak. Melalui aktiviti yang terancang di prasekolah, kanak-kanak akan menjalani proses pembelajaran di samping dapat memenuhi naluri ingin tahu, mengukuh kordinasi motor kasar dan motor halus, berdaya kreatif, memupuk semangat bergaul serta berdisiplin.

Turut membincangkan konsep dan prinsip pendidikan dalam program prasekolah, proses pembelajaran dijalankan secara tidak formal iaitu melalui bermain sambil belajar. Pendekatan ini memang menyeronokkan kanak-kanak tanpa rasa bosan dan sunyi. Menurut Jeannette Harrison (1991) "*preschool-age children will want opportunities for cooperative small group play*"¹⁵. Kanak-kanak juga perlu diberi peluang untuk berdikari dan membuat penilaian sendiri untuk

¹⁵ Jeannette Harrison, *Understanding Children: Towards Responsive Relationships* (S. Abdul Majed & Co.; Australian Council for Educational Research, 1991).

keyakinan terhadap diri sendiri. Di samping menjalin perhubungan antara rakan-rakan sebagai proses permulaan komunikasi.

2.5 Taksonomi Bloom dalam Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah

Perkembangan taksonomi di tahun 1956 meliputi tiga aspek iaitu kognitif (*thinking, knowledge*), psikomotor (*doing, skills*) dan afektif (*feeling, attitudes*). Menurut taksonomi Bloom yang disemak semula (Anderson. et al., 2001) terdapat empat kategori pengetahuan dan enam kategori proses kognitif. Anderson menklasifikasikan proses kognitif menjadi enam kategori, iaitu (1) mengingat (mengingat semula apa yang dipelajari); (2) memahami (kebolehan menggunakan maklumat merangkumi lisan, penulian dan komunikasi grafik); (3) mengaplikasi (penggunaan kaedah atau maklumat ke situasi baru); (4) menganalisis (memecahkan bahan kepada beberapa bahagian dan menentukan hubung kait serta perhubungan struktur keseluruhannya); (5) menilai (meneliti dan membuat pertimbangan nilai ke atas sesuatu bahan, idea, kaedah bagi sesuatu tujuan); dan (6) mencipta (menghasilkan sesuatu yang baru).¹⁶

Di prasekolah kanak-kanak perlu didedahkan dengan suasana yang boleh memperkembangkan emosi yang stabil, yang seronok supaya mereka dapat merasakan bahawa prasekolah adalah suatu tempat yang amat menyeronokkan dan bukannya tempat yang membuatkan mereka tertekan dan mudah membosankan. Dalam pengajaran pembelajaran prasekolah, guru seharusnya tidak menumpukan pengajaran dalam bentuk akademik atau kognitif sahaja, malah perlu diberi

¹⁶ Krathwohl, D. R. (2002). A Revision of Bloom's Taxonomy: An Review. Theory Into Practice. *College Education. The Ohio State University., Volume 41, Number 4.*


pendedahan tentang perkembangan emosi dan fizikal kanak-kanak dengan aktiviti-aktiviti yang terancang.

2.6 Jenis-Jenis Teori Perkembangan

Secara umumnya, menurut Md. Nasir Ibrahim (2003), teori perkembangan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori meliputi perkembangan kognitif, afektif, rohani dan psikomotor. Berikut adalah teori-teori perkembangan yang dimaksudkan:

- a) Teori Perkembangan Kognitif
- b) Teori Perkembangan Afektif
- c) Teori Perkembangan Psikomotor

Sebagai mana yang dinyatakan, perkembangan merangkumi tiga aspek penting iaitu seperti rajah tersebut.



Gambar rajah 2.2 ringkasan teori perkembangan yang berhubung kait dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak¹⁷

Pada peringkat umur dua tahun hingga tujuh tahun, perkembangan fizikal dan motor kanak-kanak begitu pesat. Dari segi kognitif ia berada di peringkat praoperasi iaitu pada peringkat dimana kanak-kanak berfikir tidak begitu logik tetapi mereka mampu untuk mengolah dan mentafsirkan sesuatu simbol atau gambar.

Menurut Puan Hawa Rahmat (2010), menyatakan tumbesaran fizikal dan perkembangan minda kanak-kanak adalah berbeza. Walaupun secara amnya perkembangan kanak-kanak di seluruh dunia seharusnya sama.¹⁸ Pendapat ini berkemungkinan terjadi daripada tumbesaran kanak-kanak yang berbeza dari segi persekitaran, baka atau sebagainya. Dari perkembangan emosi dan sosial didapati ia berkembang dengan pesat. Perubahan yang jelas ialah dalam perhubungan dengan rakan sebaya. Pada umur empat hingga tujuh tahun mereka sudah mula terlibat dengan tingkah laku secara langsung. Pada usia ini kanak-kanak sudah peka dan menyedari jantina masing-masing dan mula bermain dengan permainan yang bersesuaian dengan jantina mereka.

Di samping itu, kepentingan mental, misalnya proses pembelajaran, agama dan kerohanian diri mereka sendiri yang menjadi ransangan bagi perkembangan otak, juga akan mengaktifkan sel otak sehingga meningkatkan perkembangannya. Piaget berpendapat perkembangan kognitif kanak-kanak berlaku kerana proses adaptasi iaitu interaksi antara asimilasi dan akomodasi. Konsep ini menjadi lebih

¹⁷ Md. Nasir Ibrahim, & Prof. Madya Iberahim Hassan. (2003). *Pendidikan Seni Untuk Maktab & Universiti*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

¹⁸ Puan Hawa Rahmat, 'S&J Psikologi Kanak-Kanak', *Pa & Ma*, 115/Pp11178/07/2010(024704) (2010).

luas melalui asimilasi dan diubahsuai melalui akomodasi. Jean Piaget merupakan ahli psikologi yang menyatakan kanak-kanak berfikir berbeza daripada orang dewasa. Beliau melihat pemikiran sebagai proses sedar dan memberi penekanan kepada peringkat perkembangan yang berkait rapat dengan sifat matang kanak-kanak itu sendiri.

2.7 Konsep Pembelajaran

Menurut Tony Buzan (2010), yakin bahawa pendedahan dan pembelajaran yang menyeronokkan sebenarnya mampu mempertingkatkan memori seorang kanak-kanak. Ini kerana setiap kanak-kanak dianugerahkan sifat kreatif yang luar biasa dan berbeza. Kreativiti yang mereka telah hasilkan sebenarnya amat menyeronokkan¹⁹.

Beliau juga mendapati bahawa sekiranya kita menggunakan kedua-dua belah otak iaitu otak kiri dan kanan, kita akan memperolehi kesan penerimaan yang maksima dalam setiap aktiviti yang dilakukan. Pendekatan yang lebih baik bagi kanak-kanak ialah mereka perlu didedahkan dengan permainan yang mampu menguatkan daya ingatan mereka.

Menurut Buzan lagi, satu statistik ringkas mendedahkan bahawa dalam tempoh 24 jam manusia akan mudah melupakan 80% daripada maklumat yang mereka pelajari²⁰. Daya ingatan seseorang pula akan bertambah baik untuk mengingat sesuatu benda apabila terdapat penggunaan warna, imej dan simbol di terapkan di dalam pembelajaran. Dengan itu, secara tidak langsung, mendapati bahawa teknik ini mampu diaplikasikan ke atas peralatan permainan kanak-kanak

¹⁹ Tony Buzan, 'Peta Minda Tony Bunzan'.

²⁰ Ibid.

bagi memperolehi kesan yang baik terhadap kanak-kanak semasa bermain. Oleh sebab itu, penggunaan kad imbas yang bergambar dan berwarna turut digunakan di peringkat awal pembelajaran kanak-kanak. Pendapat ini disokong dengan adanya ‘shichida method’ yang membantu kanak-kanak berkebolehan dalam pengucapan awal mereka. Dengan penggunaan kad imbas mendapati;

‘Shichida flash cards help young children to develop both left and right brain since an efficient learning cannot be possible without activating both right and left brain’²¹.

Kad imbas juga turut digunakan dalam kaedah ‘Glenn Doman Method’²² secara interaktif yang mampu digunakan oleh pelbagai pihak sebagai teknik pembelajaran peringkat awal. Penggunaannya adalah satu kaedah pembelajaran yang mudah dan seronok untuk kanak-kanak agar mereka tidak rasa bosan untuk belajar.

2.8 Konsep Pembelajaran Bermain Sambil Belajar

Main atau bermain merupakan proses pendewasaan yang harus dilalui oleh semua kanak-kanak kerana ia merupakan unsur yang penting dalam kehidupan kanak-kanak sebagai pelengkap ke arah perkembangan diri. Kanak-kanak akan mula terasa terhibur apabila mereka bermain.

Di peringkat prasekolah, kanak-kanak akan memberi sepenuh tumpuan untuk belajar. Kanak-kanak memang suka belajar dan mereka akan belajar dengan pendekatan melalui bermain. Aktiviti yang dijalankan di prasekolah berpandukan

²¹ Shichida Flash Cards for Early Childhood Learning, <<http://www.flashcardskids.com/shichida-flash-cards/>>2011.

²² Glenn Doman Method – How Does It Work?, <<http://www.flashcardskids.com/glenn-doman-method/>>2011.

kepada konsep bermain sambil belajar iaitu bentuk pembelajaran secara tidak formal yang mempunyai hala tuju, konteks penyampaian yang tersusun dan terancang.(Azizah Lebai Nordin & Zainun Ishak 1999)²³

Namun, Azizah Lebai Nordin & Zainun Ishak (1999) berpendapat bahawa, sesetengah prasekolah yang menggunakan strategi bermain sambil belajar dan permainan yang dijalankan lebih merupakan permainan berbentuk bebas tanpa perancangan yang tersusun sebenarnya kurang memberi berkesan yang baik pada kanak-kanak.

Bermain sambil belajar memainkan peranan yang sangat penting untuk perkembangan, kesuburan rohani dan jasmani serta keseimbangan yang menyeluruh. Pada hakikatnya aktiviti tersebut dapat mengukuhkan kordinasi motor kasar dan motor halus kanak-kanak.

Menurut Airil Haimi Mohd Adnan (2009) pada peringkat umur 0-6 tahun, otak dan minda kanak-kanak berada dalam keadaan aktif dan mereka amat memerlukan rangsangan berterusan dari persekitaran mereka. Jadi, apabila mereka boleh berinteraksi dan bermain serta terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dengan kanak-kanak lain, rangsangan yang diperlukan akan diperolehi dengan mudah dan cepat.

(Katz 1987), berpendapat bahawa asas pembelajaran melibatkan keadaan persekitaran yang tidak formal. Beliau menyebut;

*“informal learning environments encourage spontaneous play, in which children engage in whatever play activities interest them. Such activities may include group projects, investigations, constructions and dramatic play”*²⁴.

²³ Azizah Lebai Nordin & Zainun Ishak, *Siri Pengajian Dan Utusan: Pendidikan Prasekolah Untuk Guru* (Utusan Publications & Distributions Sdn.Bhd, 1999).

²⁴ Lilian G. Katz, 'What Should Young Children Be Learning?', *Clearinghouse on Elementary and Early Childhood Education, Urbana, Ill*